

Newspaper	BERITA HARIAN
Date	11 MARCH 2015



Mohd Khalid (duduk kiri) dan Wan Rasdi menandatangani perjanjian bekalan air terawat antara SAMB dan SAINS sambil diperhatikan Najib, Idris dan Mohamad di Putrajaya, semalam. [FOTO MOHD FADLI HAMZAH/BH]

BH-11/3/2015

Melaka bantu Negeri Sembilan salur air bersih

Putrajaya: Syarikat Air Melaka Berhad (SAMB) dan Syarikat Air Negeri Sembilan Sdn Bhd (SAINS) semalam memeterai Perjanjian Tambahan Bekalan Air Terawat bagi membantu mengatasi masalah kekurangan air bersih di Negeri Sembilan.

Majlis pemeteraian perjanjian itu disaksikan Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Razak.

Perjanjian itu ditandatangani Ketua Pegawai Eksekutif SAMB, Datuk Mohd Khalid Nasir dan Pengarah SAINS, Wan Rasdi Wan Ismail. Turut hadir, Ketua Menteri Melaka, Datuk Seri Idris Haron dan Menteri Besar Negeri Sembilan, Datuk

Seri Mohamad Hasan.

Bercakap kepada pemberita kemudian, Idris berkata menerusi perjanjian itu, SAMB akan membekalkan kepada SAINS maksimum 5,000 meter padu atau 1.1 juta gelen air sehari kepada 5,000 akaun (pengguna) di Tampin dan 100 akaun di Batang Melaka.

"Tempoh pembekalan air terawat ini ialah daripada 1 Mac 2015 hingga 1 Jun 2015 dengan kadar bayaran yang dipersejajuti iaitu RM1.40 bagi setiap kiub meter padu air.

"Bekalan itu terhad kepada SAINS sahaja dan tertakluk kepada lebih air yang ada selepas keperluan air di Melaka dipenuhi. Air terawat akan di-

bekalkan melalui Loji Gadek, manakala air mentah diperolehi dari Empangan Jus.

"Bekalan air terawat ke daerah Tampin bergantung kepada paras minimum Kolam Bukit Tiga yang ditetapkan empat meter. Sekiranya paras itu susut kurang daripada empat meter, bekalan akan dihentikan," katanya pada sidang media di Perdana Putra, di sini, semalam.

Bergantung kelulusan SPAN

Beliau berkata, perjanjian pembekalan itu juga bergantung kepada arahan dan kelulusan Suruhanjaya Perkhidmatan Air Negara (SPAN) kerana proses berkenaan membatinkan pem-

bekalan air antara negeri.

Katanya, SAMB dan SAINS juga bersetuju bahawa selain daripada terma dan syarat dalam Perjanjian Tambahan itu, terma dan syarat dalam Perjanjian Utama masih berkuat kuasa.

Pada masa sama, beliau berkata, Melaka masih menerima bekalan air mentah dari Johor yang mencecah 35 juta gelen air sehari.

"Air dari Johor adalah air mentah, manakala air yang disalurkan ke Negeri Sembilan adalah air terawat. Tiada titik penyambungan antara air mentah yang kita terima dari Johor dan air terawat yang disalurkan ke Negeri Sembilan," katanya.